

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI [ BAGAN DATUK ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2020 ( ISNIN )**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah status kesihatan dan kebajikan pelajar-pelajar Malaysia di luar negara dan bagaimanakah pihak Kementerian dapat membantu mereka terutamanya pelajar yang berada di negara yang terkesan teruk dengan pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penularan wabak jangkitan COVID-19 yang sedang melanda global sekarang ini menjadi isu dan cabaran utama bukan sahaja kepada Kerajaan Malaysia tetapi juga di seluruh dunia. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat prihatin dengan keadaan semua pelajar Malaysia di luar negara dan sentiasa berhubung rapat dengan mereka melalui pemantauan yang dilakukan oleh pejabat Education Malaysia (EM) Luar Negara dan juga pihak kedutaan. Sehingga kini, status kesihatan kesemua pelajar Malaysia di luar negara adalah dalam keadaan yang terkawal.

Berikut adalah antara tindakan pemantauan yang telah diambil bagi memastikan kebajikan pelajar Malaysia di luar negara dan sentiasa dalam keadaan yang baik:

- (a) Bermula pada bulan April 2020, Bilik Gerakan COVID-19 KPT telah diaktifkan bagi membantu para pelajar Malaysia yang berada di luar

negara yang memerlukan bantuan dan maklumat berkaitan status terkini penularan pandemik COVID-19;

- (b) EM Luar Negara juga telah mewujudkan platform khas secara dalam talian bagi tujuan komunikasi, pemantauan serta memastikan kebaikan pelajar terjamin. Ini bagi membolehkan bantuan segera dapat disalurkan kepada para pelajar dalam keadaan kecemasan. Bantuan ini termasuklah khidmat kaunseling; penyediaan keperluan asas seperti *health packs* yang mengandungi pelitup muka dan cecair pensanitasi tangan; serta bantuan kecemasan kepada pelajar-pelajar Malaysia yang perlu menjalani kuarantin kendiri wajib;
- (c) Memantau keadaan psikologi pelajar dari semasa ke semasa melalui penganjuran program berkaitan kesihatan mental. Contoh program yang telah dilaksanakan termasuklah program *Mental Health Stimulus for Students' Welfare* yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Education Malaysia Washington DC pada 19 April 2020, dan program Kaunseling Kelompok SeJordan yang dijangka diadakan oleh Pejabat Education Malaysia Jordan pada bulan Disember 2020; dan
- (d) Menyediakan kemudahan tabung amanah kebaikan pelajar untuk disalurkan kepada pelajar yang memerlukan bantuan kewangan untuk tujuan kecemasan.

Selain daripada usaha-usaha di atas, aspek pengurusan akademik pelajar turut disantuni. Pihak KPT telah mengadakan beberapa siri libat urus dengan pihak kedutaan negara-negara yang terlibat bagi menyelesaikan masalah para pelajar yang terkesan dengan isu penangguhan peperiksaan dan pengajian. Pihak KPT turut membantu dalam menyelaras urusan penerbangan para pelajar yang ingin kembali ke Malaysia. Maklumat dan bantuan lanjut juga telah disalurkan kepada para pelajar yang tidak dapat meneruskan pengajian di luar negara dengan menguruskan pemindahan kredit pelajar-pelajar yang terlibat agar mereka dapat meneruskan pengajian di IPT dalam negara.

Sekian, terima kasih.